

14 MAR 2001

Muzium-Pameran

MUZIUM KESENIAN ISLAM PAMERAN HASIL SENI JURUGAMBAR ITALI

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Muzium Kesenian Islam akan mengadakan pameran hasil seni fotografi seorang jurugambar Itali, Ovidio Guaita mulai 26 Mac ini.

Pameran tiga bulan yang bertema "The Art of Living - Residential of the Islamic World" diadakan sempena tahun baru Islam, 1422 Hijrah.

Pameran itu juga adalah sempena pelancaran buku terbitan terbaru muzium yang menggunakan tema yang sama, kata muzium berkenaan dalam satu kenyataan hari ini.

Lulusan University of Florence pada 1983, hasil kerja Guaita mengetengahkan kepelbagai seni bina di kawasan geografi yang berlainan yang mendapat ilham daripada seni bina Islam.

Hasil seni beliau termasuklah di Lembangan Mediterranean, Afrika, Asia Barat dan Asia Timur.

Buku yang turut memuatkan kata-kata aluan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memaparkan 196 imej, foto-foto warna, lakaran terperinci mengenai seni bina dan anekdot menarik.

Buku itu turut memuatkan kajian terperinci hiasan senibina.

Antaranya ialah bahan seramik "Majolica & Azulejos", pintu dan tingkap.

Pameran yang berlangsung sehingga 25 Jun itu dibuka kepada orang ramai pada setiap Selasa hingga Ahad (10pagi - 6 petang) di Muzium berkenaan di Jalan Lembah Perdana, Kuala Lumpur.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Sunitha Janamohanam atau Nicola Kuok di Jabatan Kurator Muzium, masing-masing ditalian 2274 2020 sambungan 307/308.

-- BERNAMA

ER AZZ LAT